

KHALIFAH ABU BAKAR FIQH SIASAH KHULAFĀ' AL-RASYIDIN oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang. Amar Synergy Enterprise: Kuala Lumpur, 2020. Cetakan kedua. ISBN 978-967-18366-5-1

Penulisan buku agama dari seorang agamawan yang turut serta dalam proses kebangkitan Islam di negara ini semakin ketara sejak akhir-akhir ini. Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang (TGHH) sebagai contoh dari mereka yang giat aktif menulis sejarah dalam rangka mengambil pengajaran darinya. Ia telah dilakukan oleh ramai tokoh-tokoh Gerakan Islam seperti Dr. Said Ramadhan al-Buti dan Dr. Karim Zaydan yang dijadikan rujukan oleh pendokong Gerakan Islam di seluruh dunia. Sebagai seorang tokoh politik yang berjaya menguasai kerajaan negeri dan menduduki jawatan penting dalam cabinet negara, TGHH masih melanjutkan penulisan Sirah Nabawiah kepada sirah para khalifah selepas Rasulullah SAW. Khalifah Abu Bakar adalah yang Khalifah pertama yang cuba ditekuni temanya dari perspektif Fiqh Siasah. TGHH cuba mengambil pengajaran sebanyak mungkin dari sirah Khalifah ini yang boleh dimanfaatkan dari perspektif fiqh siasah semasa yang mana beliau adalah seorang dari pemain aktifnya.

Khalifah Abu Bakar Fiqh Siasah Khulafā' Al-Rasyidin adalah judul kepada sebuah buku yang agak sedikit berbeza dengan tulisan TGHH tentang sejarah. Jika dalam penulisannya dahulu, beliau banyak terpengaruh dengan ramai penulis sirah Ketika membahaskan perjalanan sirah Rasulullah SAW. Walaupun beliau cuba memberi kefahaman dalam konteks Gerakan Islam semasa di Malaysia, ia kekal sebagai sebuah pernyataan sejarah yang telah difahami ramai akan jalan ceritanya. Melalui buku ini, TGHH secara jelas mengarang sendiri jalan ceritanya agar lebih jelas dalam konteks sirah yang jarang dibahaskan oleh penulis lain khususnya di negara ini. Isu yang digarap dari sumber sejarah Islam oleh beliau khususnya dalam konteks mengambil pengajaran daripadanya semakin terserlah di samping pembaharuan dalam gaya persembahan buku ini.

Buku setebal 407 muka surat mengemukakan satu sorotan feqah politik yang dipersembahkan dalam suatu bentuk penulisan umum. Ia mengandungi Sembilan Bahagian dimulai oleh Kata Penerbit, Kata Pengantar, Prakata dan Mukadimah serta diakhiri dengan Penutup dan Biodata Penulis. Kata Pengantar buku ini dibuat oleh YB Ahmad Marzuk Shaary iaitu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Beliau melihat tajuk buku ini dapat menonjolkan kebijaksanaan Saidina Abu Bakar sebagai Khalifah yang berjaya menyatupadukan umat Islam yang menghadapi fitnah besar setelah kewafatan Rasulullah SAW. Beliau juga mengakui kealiman TGHH dalam ilmu siasah Islam serta kefaqihannya dalam realiti politik semasa. Justeru ia menjadikan buku ini sangat bermakna dalam usaha untuk melihat bagaimana politik semasa dapat mengaplikasikan pendekatan yang telah ditunjukkan oleh Saidina Abu Bakar.

Berbeza dengan kaedah biasa yang menggunakan bab. Buku ini menggantikan dengan Bahagian-bahagian yang memuatkan tajuk Perlantikan Khalifah Abu Bakar, sistem dan Pemerintahan Khalifah Abu Bakar, Langkah strategik pemerintahan Khalifah Abu Bakar, Gerakan Bersepadu Memerangi Golongan Murtad dan Kesan kepada umat Islam, Pembukaan Iraq, Pembukaan Syam, Ketokohan Para Sahabat Faktor Kemenangan Islam, Perlantikan Saidina Umar sebagai Khalifah, Kewafatan Khalifah Abu Bakar. Semua bahagian ini diikuti oleh tajuk-tajuk kecil yang memuatkan carta, rajah dan gambar yang memperjelaskan lagi perbincangan berkaitan. Buku ini memuatkan beberapa keping gambar TGHH bagi menunjukkan penulis seorang tokoh yang terlibat aktif dalam politik sama ada melalui

penulisan atau sebagai seorang Menteri dan wakil rakyat menghasilkan interaksi yang menarik minat pembaca untuk meneroka isi kandungan buku ini. Ia berjaya menyampaikan mesej dengan lebih santai dan mesra pembaca berbanding terikat dengan penulisan berbentuk ilmiah yang berat.

TGHH memberikan fokus yang khusus kepada isu utama buku ini dalam Prakata dengan menyatakan bahawa apa yang diterokai oleh Khalifah Abu Bakar sebenarnya telah ditiru oleh Barat dengan membuang asas akidahnya. Adalah menjadi kewajiban bagi umat Islam merujuk kepada fiqh siasah yang amalkan oleh Abu Bakar itu sendiri dalam rangka perjuangan menegakkan sebuah negara yang melaksanakan pemerintahan Islam sepenuhnya. Beliau selanjutnya melanjutkan muqaddimah buku ini dengan menunjukkan kepentingan peranan Khalifah Abu Bakar dalam menyelesaikan isu penganti Rasulullah SAW. Beliau juga melakarkan garis masa pemerintahan Khalifah Abu Bakar bagi memudahkan kefahaman pembaca sepanjang beliau membicarakannya di dalam buku ini.

Kewajipan menegakkan pemerintahan Islam adalah isu utama yang mendasari perbincangan Bahagian Pertama buku ini. Ia dirujuk kepada Hadith dan Sunnah Rasulullah SAW yang jelas menunjukkan bahawa pemerintahan Islam adalah sebuah pemerintahan yang berbeza dengan teokrasi dan diktator yang memberi kuasa mutlak kepada agamawan atau pemimpin pilihan. Peristiwa Thaqifah Bani Saidah dijadikan hujah oleh TGHH untuk menunjukkan Islam tidak menjadikan pemerintahan sebagai pusaka warisan keluarga atau bertuhankan akal manusia semata-mata. Perlantikan Abu Bakar sebagai Khalifah jelas dibina di atas asas musyawarah dengan asas dari pesanan Rasulullah SAW supaya memilih mereka yang layak dan dari kumpulan yang berpengaruh. Ciri-ciri ini wujud pada diri Abu Bakar dengan lebih menonjol jika dibandingkan dengan kumpulan yang mencadangkan Ali bin Abi Thalib serta Saad bin Ubadah dari golongan Ansar. Setelah menolak hujah Syiah dan Khawarij yang begitu ta’asub kepada kumpulan masing-masing, TGHH merumuskan bahawa perlantikan Abu Bakar sebagai Khalifah menepati keputusan syura yang memilihnya atas ketokohan, keilmuan serta kedudukannya yang berasal dari Qabilah yang berpengaruh iaitu Quraish. Keputusan memilihnya secara sebulat suara dan segera ketika itu sangat penting dalam menghadapi kejutan kewafatan Rasulullah dan ancaman serius dari golongan murtad serta kuasa besar Rom dan Parsi.

Kepimpinan Khalifah Abu Bakar yang benar-benar mewarisi pemerintahan di atas jalan kenabian ini jelas dilihat dari ulasan TGHH terhadap dasar dan sistem pemerintahan beliau. Dengan merujuk kepada penulisan sirah yang muktabar, TGHH menonjolkan ucapan awal Abu Bakar Ketika dilantik sebagai Khalifah yang boleh dirumuskan mengandungi dasar iaitu al-Quran dan al-Hadith adalah sumber hukum tertinggi, bai’ah dan ketaatan kepada pemimpin, hisbah, keadilan untuk semua, sifat benar dan Amanah, menunaikan jihad serta membentera kemungkaran. Semuanya ini diperkuatkan hujahnya oleh TGHH dengan merujuk kepada nas-nas serta catatan sirah dari ulama. (m/s.47-64) Pemerintahan Khalifah Abu Bakar yang sistematik ditunjukkan oleh TGHH melalui kewujudan syura yang mengandungi sepuluh sahabat utama. Mereka boleh dianggap sebagai Menteri pada hari yang dirujuk bagi memutuskan hukum Syarak serta perkara penting dalam pemerintahan negara. Ia diperkuatkan lagi oleh sistem Amir yang berperanan sebagai imam solat, hakim, pengurus kewangan, penjaga keamanan dan pemerintahan tentera. (m/s. 66-68).

Kewangan adalah perkara penting yang dibincangkan oleh TGHH walaupun sumber kewangan Islam yang diamalkan oleh Khalifah Abu Bakar adalah sama seperti yang di zaman Rasulullah

SAW. Ia adalah zakat, ghanimah, al-fai, Jizyah dan sedekah. TGHH menekuni pemerkasaan yang dibuat oleh Khalifah Abu Bakar terhadap sistem Baitul Mal. Khalifah telah menaik taraf fungsi Baitul Mal dalam menguruskan zakat di kalangan orang Islam meluaskan pembahagian ghanimah dan Fai kepada keluarga Rasulullah dan bukan Islam. Baitul mal juga memberikan imbuhan kepada pegawai kerajaan yang berhak seperti pemimpin dari kalangan Muhibbin dan Ansar serta rakyat yang memerlukannya. (m/s. 70-77) TGHH memberi fokus terhadap keputusan saidina Umar al-Khattab memberikan gaji kepada Khalifah setelah mendapat persetujuan dari ahli majlis mesyuarat. Pemberian awal separuh ekor kambing itu tidak mencukupi lalu digenapkan menjadi seekor oleh Umar. Khalifah Abu Bakar naik ke mimbar dan bertanyakan keredaan rakyat yang hadir tentang keputusan itu. Ini menjelaskan bagaimana sistem kewangan perlu dilaksanakan secara sistematik termasuk memberi imbalan yang sepatutnya kepada Khalifah bagi menjamin pemerintahan yang lancar. Begitu juga sikap Khalifah Abu Bakar dalam memungut zakat yang tegas sehingga memerangi mereka yang ingkar adalah bertujuan untuk memastikan perbendaharaan negara mempunyai wang cukup untuk pembangunan dan sebagainya. (m/s. 79-82) Sudah pastilah perbuatan ini memberi pengajaran yang sangat jelas kepada pengurusan kewangan hari yang berdiri teguh di atas integriti pemerintah yang tegas.

Langkah strategik pemerintahan Khalifah Abu Bakar seterusnya ialah mengukuhkan saf dalaman dan meneruskan operasi militer Usamah bin Zaid. Pengukuhan saf dalaman adalah melalui penyatuan ketaatan rakyat terhadap pemerintahan Khalifah. Kumpulan yang dahulunya mempunyai kecenderungan politik masing-masing telah sepakat menyerahkan kuasa kepas Khalifah. TGHH memberikan ulasan panjang dalam isu penghantaran tentera Zaid ini dengan melihatnya dari perseptif Amanah dan kebijaksanaan Khalifah menghalang ancaman musuh ke atas negara Islam yang baru diterajuinya. Abu Bakar menolak dengan tegas cadangan menggantikan Zaid atas alasan beliau terlalu muda untuk memimpin sebuah angkatan tentera. TGHH mengulas ketegasan Khalifah Abu Bakar meneruskan penghantaran tentera Zaid itu sebagai perang saraf kepada golongan munafik yang sedang mengepung Madinah bahawa tentera Islam mampu menghadapi musuh yang lebih besar dari mereka. Keputusan tersebut ditaati oleh rakyat dan Khalifah sendiri mengiringi pemergian tentera berkenaan dengan arahan mentaati pemimpin serta pesanan menjaga tatacara perang di dalam Islam. (m/s. 89-110)

TGHH menolak dakwaan orientalis bahawa pemberontakan yang dilakukan terhadap Khalifah Abu Bakar adalah normal justeru tidak berpuas hati dalam mana-mana negara. Sebaliknya beliau menghubungkan bahawa ia adalah pemberontakan untuk menolak agama Islam sebagai ad-Din itu sendiri. Ia dapat dilihat dari penyelewengan mereka mengaku menjadi Nabi palsu, menggunakan sihir, enggan membayar zakat dan mendirikan solat serta menegakkan semula semangat asobiah. Ia bukan berpunca dari kelemahan atas kesilapan pemerintahan Khalifah Abu Bakar yang boleh dijadikan alasan pemberontakan. Justeru tindakan menghapuskan ancaman mereka perlu bagi mengukuhkan sebuah negara yang berdaulat dan melindungi agama dari dipermain-mainkan. (m/s. 114-117) Justeru, setelah berjaya mempertahankan Madinah dari sabotaj dan serangan orang Munafiq, Abu Bakar tegas menghantar tentera ke kubu mereka walaupun hanya tidak mahu membayar zakat. Walaupun tidak dipersetujui asalnya oleh Umar atas alasan mereka masih mengucap dua kalimah shahadat, keengganannya membayar zakat dilihat oleh Khalifah boleh membawa kesan besar kepada penguasaan sebuah negara berdaulat dan kesucian Islam itu sendiri. (m/s. 126-139)

Usaha secara bersepada dilakukan untuk menghapuskan golongan murtad dengan menyaksikan peranan Khalifah Abu Bakar mengatur pasukan tentera yang diketuai oleh

panglima terkemuka Islam. Khalifah juga mengutusi surat kepada ketua tentera Islam mengingatkan mereka tentang misi jihad serta arahan menjaga ada perperangan yang digarisbawahi agama. Golongan murtad juga diutusi surat oleh Khalifah Abu Bakar agar mereka kembali kepada agama Allah. (m/s. 145-174) TGHH mencatatkan tindakan bijak Khalifah mengendalikan fitnah yang timbul lantaran dari tindakan Khalid al-Walid yang mengahwini isteri Malik bin Nuwairah setelah beliau terbunuh dalam perperangan menentang golongan murtad. Walaupun Umar marah terhadap tindakan Khalid yang berbuat demikian apatah lagi membunuh Malik yang dikatakan ingin bertaubat dalam perperangan itu, Khalifah tidak memecat Khalid atau membunuh balas demi menjaga kesatuan tentera Islam yang utuh di bawah Khalid. Sebaliknya Khalid diperintahkan membayar diat atas perbuatannya. TGHH merumuskan tindakan Khalifah Abu Bakar sebagai bijaksana kerana mengutamakan keadaan darurat dalam menghadapi perperangan serta hukuman qisas dan hudud tidak boleh dilakukan jika ada keraguan. Ini merujuk kepada situasi genting dalam perperangan yang dihadapi oleh Khalid seperti yang diriwayatkan oleh penulis sirah. TGHH tidak menggalakkan perbincangan yang berlarutan di atas ijihad yang diambil oleh para sahabat kerana masing-masing mempunyai hujah tersendiri. (m/s. 170-181)

Perperangan yang dilancarkan ke atas golongan murtad meliputi Yaman, Oman dan Bahrain. Wilayah ini dahulunya menerima Islam tetapi kemudiannya bangkit menentang Islam setelah kewafatan Nabi SAW. Khalifah berjaya memadamkannya meskipun terpaksa kehilangan ramai penghafaz al-Quran\\ dalam perperangan menentang mereka. Tindakan Khalifah mengumpulkan al-Quran secara bertulis dipuji oleh para sahabat termasuk Saidina Ali sendiri. Ini menunjukkan tidak berbangkit salah menyalah di antara sahabat terhadap keputusan yang diambil oleh Khalifah kerana mereka juga terlibat sama dalam memutuskan sesuatu tindakan mengenainya. Menurut TGHH peristiwa murtad membawa kepada suatu Gerakan Tajdid terawal dalam memperbaharui kefahaman Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Tindakan Khalifah Abu Bakar memberikan kefahaman bahawa murtad itu bukan hanya bertukar agama tetapi boleh difahami sebagai menerima tasawwur selain Islam, mengaku menjadi Nabi serta membantalkan mana-mana rukun Islam dan hukumnya. Tindakan Khalifah menggunakan perperangan bagi melindungi agama dan negara mempunyai kaedah dan adab yang ditiru oleh undang-undang antarabangsa hari ini. (m/s. 182-225)

Setelah berjaya menyelesaikan masalah dalaman pemerintahan, Khalifah Abu Bakar mengorak langkah ke peringkat antarabangsa dengan cuba menguasai wilayah Iraq dan Syam. Beberapa siri perperangan dan pembukaan kota-kota dihuraikan secara panjang lebar oleh TGHH dalam rangka menumbangkan empayar Rom dan Parsi yang menguasainya ketika itu. (m/s. 234-355) Galuran sejarahnya memberikan maklumat yang jelas kepada pembaca. Kemenangan yang dicapai oleh Khalifah Abu Bakar adalah berpuncu dari peranan dan ketokohan panglima Islam. Ketika itu seperti Khalid bin al-Walid, Syurahbil bin Hasanah, al-Muthnna bin Harithah dan al-A'la bin al-Hadrami (m/s. 375-381) keperwiraan mereka serta karamah yang dianugerahi Ilahi dalam perjuangan menjadikan ketokohan mereka teruji dan perlu ditauladani oleh generasi hari ini.

Kisah perlantikan Saidina Umar dinukilkan oleh TGHH sebelum mengakhiri buku ini dengan kewafatan Khalifah Abu Bakar. Ucapan Khalifah Abu Bakar di depan para sahabat yang dinukil dari catatan ulama sirah memberikan alas an bahawa beliau ingin melantik Khalifah selepas beliau agar tidak berlaku salah faham di antara umat Islam. Setelah mendapat persetujuan supaya Umar dilantik sebagai pengantinya, beliau meminta Usman bin affan menuliskan perlantikan tersebut secara rasmi. Lalu Khalifah Abu Bakar memaklumkannya

kepada Umar dengan wasiat menjalankan tanggungjawab sebagai Khalifah. TGHH merumuskan sumbangan Abu Bakar sebagai khalifah ialah menjamin pelaksanaan Islam dengan membentekan ancaman murtad. (m/s. 390-404)

Umumnya, buku ini berjaya menonjolkan sisi intelektual apa penulis dapat memberi fokus dalam isu penting yang terdapat dalam perjalanan sejarah pemerintahan Khalifah Abu Bakar serta dapat memberikan rumusan yang tepat mengenainya. Inilah matlamat yang hendak dicapai oleh buku ini kerana telah sedia maklum bahawa sebagai seorang tokoh Gerakan Islam, TGHH sememangnya berusaha untuk menolak dakwaan yang bercanggah dengan perjuangan Islam itu sendiri. Ini sedikit sebanyak mendedahkan kepada kelemahan dari sudut rujukan kerana tidak disebut secara khusus dakwaan berkenaan contohnya dari orientalis tertentu. Ia adalah perlu bagi bacaan lanjut dan memudahkan rujukan yang sah dalam konteks kajian ilmiah. Walaupun dicatatkan rujukan dari penulisan tafsir dan sirah yang banyak, buku ini tidak menyediakan ruangan bibliografi bagi menghimpunkan semua rujukan yang ada. Manakala mutu buku bagi yang berjilid kulit keras mudah rosak apabila kerapkali dibaca. Selain dari itu, ia mudah rosak jadi sukar untuk disimpan sebagai rujukan masa depan. Mungkin edisi *paperback* lebih sesuai kerana TGHH adalah seorang penulis yang prolific. Justeru semua buku beliau untuk umum perlu berada dengan selamat di tengah masyarakat.

Badlihisham Mohd Nasir (Profesor Dr.)

Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
UTM, Johor